

219 pusat penamaan

UM 13 MAR 2004

Oleh ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 12 Mac — Sejumlah 219 pusat penamaan calon akan dibuka di seluruh negara pagi esok untuk menerima pencalonan bagi pemilihan anggota Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dalam Pilihan Raya Umum ke-11. 21 Mac ini.

Antaralempat yang digunakan sebagai pusat penamaan calon ialah dewan majlis daerah, bilik gerakan pejabat daerah, dewan sekolah, dewan serbaguna dan kompleks belia.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan waktu penerimaan kertas penamaan calon semalam antara pukul 9 pagi hingga 10 pagi.

Waktu bantahan pula ialah dari pukul 10

pagi hingga 11 pagi dan selepas itu pegawai pengurus pilihan raya akan mengumumkan nama-nama calon yang bakal bertanding.

Selepas tempoh bantahan itu juga, pengundi boleh mengetahui sama ada akan berlaku pertandingan atau terdapat calon yang bakal diisytiharkan menang tanpa bertanding.

Sebahagian besar kawasan dijangka menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon-calon Barisan Nasional (BN) dengan parti-parti pembangkang terutama dari PAS, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Sebanyak 27 parti politik berdaftar dengan SPR akan bertanding dalam pilihan raya umum ini.

ketiap calon kawasan Parlimen dikenakan wang deposit RM10,000 manakala

calon kawasan DUN pula RM5,000, yang perlu dibayar secara tunai semasa menyerahkan kertas penamaan calon.

Menurut SPR, kira-kira 5,000 kertas penamaan calon telah dijual di seluruh negara sejak hari pertama jualannya Ahad lepas.

Daripada jumlah itu, 3,500 kertas penamaan calon ialah bagi Dewan Undangan Negeri manakala 1,500 lagi bagi Parlimen.

Bilangan kerusi Parlimen yang dipertandingkan kali ini bertambah sebanyak 26 dari 193 yang menjadi rebutan pada Pilihan Raya Umum 1999.

Pertambahan itu berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang menghasilkan 25 kawasan baru manakala satu lagi kerusi tambahan ialah bagi kawasan Putrajaya yang dibentuk pada 2001 ekoran penubuhan Wilayah Persekutuan berkenaan.

calon dibuka

Sebanyak 10,284,591 pengundi terlibat yang terdiri daripada 10,083,879 pemilih biasa dan 200,712 pengundi pos.

Jumlah pengundi kira-kira 10.3 juta itu merupakan peningkatan sebanyak 800,000 orang berbanding 9.1 juta yang layak mengundi dalam pilihan raya umum ke-10 pada 1999.

Parlimen secara rasminya dibubarkan 4 Mac lalu, iaitu sembilan bulan sebelum mandat berakhir.

Tempoh berakhir Dewan Rakyat ialah pada 20 Disember ini.

Sebanyak 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dipertandingkan pada pilihan raya umum kali ini.

Bagaimanapun, Sarawak tidak terlibat dalam pemilihan kerusi DUN kerana mandat kerajaan yang ada berakhir 2006.

Kira-kira 6,000 sekolah akan dijadikan pusat mengundi dan waktu pengundian ialah dari pukul 8 pagi hingga 5 petang. pada 21 Mac ini.

SPR menambah edaran borang penamaan calon sebanyak 3,300 naskah lagi selepas stok sedia ada habis di beberapa negeri sebaik sahaja ia dijual mulai Selasa lepas.

Pilihan raya umum ke-11 ini merupakan yang pertama bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Pada pilihan raya umum 1999, BN memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.